

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH - BN]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN (NO. 45)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mengubah gaya hidup dan pemahaman belia terhadap rokok elektronik atau vape yang semakin popular.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia sedang di dalam proses untuk memperkukuhkan perundangan sedia ada dengan melibatkan pelbagai agensi yang lain untuk mengawal isu ini. Pengukuhan perundangan ini adalah berdasarkan hala tuju bagi Kawalan Tembakau Kebangsaan iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara dengan Generasi yang Bebas dari Sebarang Bentuk Amalan Merokok. Penetapan ini adalah sejajar dengan Malaysia sebagai sebuah negara yang telah menandatangani Perjanjian Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) "Framework Convention On Tobacco Control".
2. Berkaitan isu ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia berpendirian bahawa tahap keselamatan penggunaan bagi rokok elektronik atau vape ini masih tidak sah kerana masih tidak ada banyak kajian. Penggunaan rokok elektronik atau vape sebagai pengganti atau rawatan merokok juga masih tidak dapat dibuktikan. Penggunaan rokok elektronik atau Vape juga adalah dikhuatiri menjadi titik permulaan kepada tabiat merokok di kalangan remaja dan generasi akan datang disebabkan oleh cara penggunaannya yang masih mirip rokok dengan menghidu dan menghembus wap yang dihasilkan.
3. Aktiviti menghisap vape semakin menjadi budaya bukan sahaja di kalangan remaja, golongan dewasa malahan terdapat juga penglibatan keluarga dalam aktiviti menghisap vape. Pada masa

SULIT

kini didapati terdapat premis-premis perniagaan yang menawarkan aksesori dan cecair perisa.

4. Buat masa kini, kajian terperinci berkenaan langkah kawalan vape sedang dilakukan bagi memastikan pengawalan secara menyeluruh dan efisien dapat dilaksanakan. Penguatkuasaan dan pengawalan penggunaan vape ini adalah penting bagi mengelakkan rakyat Malaysia terutamanya generasi muda yang berpotensi mengidap pelbagai penyakit seperti barah paru-paru, penyakit kardiovaskular, gangguan pernafasan.
5. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa komited dalam meningkatkan kesedaran masyarakat khasnya golongan belia berkaitan gaya hidup sihat melalui promosi dan program-program sukan, rekreasi dan kecergasan yang disediakan.
6. Usaha kementerian dengan kerjasama pelbagai pihak bagi menjayakan matlamat ke arah negara berbudaya sukan (*Sporting Nation*) seterusnya membentuk masyarakat yang cergas, sihat dan bersatu-padu merupakan sebagai salah satu alternatif bagi menangani isu ini.

Sekian, terima kasih.